

Berikan **SINONIM (PERKATAAN SEERTI)** bagi perkataan yang bergaris dalam setiap ayat.

kesan	kepentingan	prihatin	keselesaan	bijaksana
dekad	menghalang	menjaga	kedaran sivil	serius
kegiatan	timbul	bekerjasama	membantu	adukan
perubahan	kebahagiaan	terdedah	kedaran	pengawasan

1. Pasukan keselamatan akan berusaha menyekat pendatang tanpa izin itu mencerobohi Kawasan sempadan negara. (_____)
2. Peluang pekerjaan terbuka luas di negara kita ini. (_____)
3. Murid-murid itu di bawah pengawasan guru mereka. (_____)
4. Dia sudah pandai mengurus adik-adiknya. (_____)
5. Walaupun bangunan sekolah kami ini sudah hampir dua dasawarsa tetapi kelihatan seperti baharu. (_____)
6. Semua aktiviti kokurikulum hujung minggu ini dibatalkan. (_____)
7. Keharmonian sesebuah rumah tangga itu amat penting bagi menjamin perkembangan minda anak-anak yang sihat. (_____)
8. Kegagalan itu telah menimbulkan keinsafan di dalam dirinya. (_____)
9. Ibu dan ayah saya sentiasa memberikan keutamaan dalam bidang Pendidikan. (_____)
10. Dia tiba-tiba muncul pada hari itu setelah sebulan menghilangkan diri. (_____)
11. Suaranya jelas dan tegas dalam menyatakan pendiriannya. (_____)
12. Guru-guru sekolah kami sentiasa ambil berat tentang disiplin dan kebajikan para pelajar. (_____)
13. Kesenangan dan kemewahan hidup yang dinikmati oleh keluarganya itu kerana peninggalan harta pusaka datuknya yang banyak. (_____)

14. Anak jiran di sebelah rumah saya itulah yang **menolong** budak itu daripada mati lemas.
(_____)
15. Sebagai anggota masyarakat yang baik, kita hendaklah **saling membantu** supaya wujudnya kesejahteraan dan keharmonian. (_____)
16. **Laporkan** segera kepada pihak polis sekiranya anda melihat adanya sesuatu kegiatan yang mencurigakan. (_____)
17. **Pertukaran** guru-guru di sesebuah sekolah itu adalah menjadi perkara biasa.
(_____)
18. Oleh sebab **perasaan bertanggungjawab** terhadap kebajikan anak-anak yatim itu, dia bersedia untuk menanggung semua perbelanjaan persekolahan mereka.
(_____)
19. **Akibat** banjir baru-baru ini, penduduk di kampung itu mengalami kerugian dan kerosakan harta benda. (_____)
20. Walaupun saya anak angkat tetapi ibu dan ayah angkat saya **memelihara** saya dengan penuh kasih sayang. (_____)